JPK/700/74 (15)

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMETAAN PROGRAM BERASASKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2015

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
MALAYSIA.

1 Januari 2015

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMETAAN PROGRAM BERASASKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2015

KANDUNGAN

1.	PENDAHULUAN	3
2.	TAFSIRAN	3
3.	SENARAI RINGKASAN	5
4.	KRITERIA PEMETAAN PROGRAM	6
5.	PELAKSANAAN PEMETAAN PROGRAM DI AGENSI	6
6.	PERMOHONAN PENGESAHAN HASIL PEMETAAN PROGRAM	7
7.	PELAKSANAAN PENILAIAN PEMETAAN PROGRAM OLEH JPK	8
8.	TANGGUNGAN PERBELANJAAN	10
9.	TARIKH KUAT KUASA	10

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran 1 **[JPK/PEMETAAN/01]**: Borang Permohonan Pemetaan Program Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)

Lampiran 2 **[JPK/PEMETAAN/02]**: Borang Matrik Pemetaan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)

Lampiran 3 **[JPK/PEMETAAN/03]**: Borang Pemetaan Kandungan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)

Lampiran 4 **[JPK/PEMETAAN/04-A]**: Borang Rumusan Pemetaan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)

Lampiran 5 **[JPK/PEMETAAN/04-B]**: Borang Rumusan Penilaian Pemetaan Program Silibus Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)

Lampiran 6 **[JPK/PEMETAAN/05]**: Perakuan Pemohon

Lampiran 7 Carta Alir Proses Pemetaan Program Kemahiran bagi Agensi

Lampiran 8 Carta Alir Proses Penilaian Pemetaan Program Kemahiran diantara JPK, Pakar Bidang dan Panel Agensi

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMETAAN PROGRAM BERASASKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2015

1. PENDAHULUAN

Garis Panduan Pelaksanaan Pemetaan Program Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan(selepas ini dirujuk sebagai ("Panduan ini") adalah bertujuan bagi menetapkan keperluan permohonan dan pelaksanaan pemetaan program berdasarkan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SKPK). Mesyuarat Majlis Kemahiran Kebangsaan (MPKK) yang diadakan pada 2 April 2014 telah meluluskan empat (4) kaedah penyeragaman persijilan kemahiran seperti berikut:

1.1. Pentauliahan Pusat Bertauliah (PB) Biasa.
1.2. Pentauliahan Induk/Kendiri.
1.3. Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran
1.4. Badan Perlesenan

2. TAFSIRAN

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

"Akta 652" ertinya Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006;

"Daftar Standard" ertinya satu dokumen yang menyenaraikan tajuk-tajuk pekerjaan bagi semua Standard yang telah diwujudkan di bawah Akta 652;

"**Jawatankuasa Penasihat Teknikal (*Technical Advisory Committee*, *TAC*)**" ertinya jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil industri bidang berkenaan, Pengurus Pusat Bertauliah dan Pegawai Pengesah Dalaman,

"**kelayakan**" ertinya apa-apa pengalaman kerja dalam bidang kemahiran tertentu atau apa-apa sijil, diploma, ijazah yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran

"Ketua Pengarah" ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran;

"kurikulum" ertinya kandungan anjuran suatu program latihan yang telah dibuat berdasarkan NOSS oleh suatu penyedia latihan kemahiran yang menunjukkan aktiviti yang dijalankan, masa yang diperuntukkan kepada setiap aktiviti, dan turutannya.

"**pakej pembelajaran**" ertinya dokumen latihan yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran berasaskan Standard

“**Panel Penilaian Pusat Bertauliah (PPPB)**” ertinya satu jawatankuasa yang terdiri daripada personel tertentu PB dengan diketuai oleh PPB untuk memastikan keberkesanan dan kesahihan penilaian yang dilakukan;

“Pegawai Pengesah Dalaman” ertinya seseorang yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan, dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan pengesahan/ penentusahan dalaman hanya di pusat bertauliah yang ditetapkan;

“Pegawai Penilai” ertinya pengajar di pusat bertauliah yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penilaian keterampilan pelatih hanya di pusat bertauliah yang ditetapkan;

“**Pegawai Pengesah Luaran**” ertinya seseorang personel yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penentusahan luaran di pusat bertauliah;

“Pengurus Pusat Bertauliah” ertinya seseorang yang diberikan kuasa oleh pemilik pusat bertauliah dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk mentadbir pelaksanaan pentauliahan;

“personel pentauliahan” ertinya seseorang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai Pengurus Pusat Bertauliah, Pegawai Pengesah Dalaman atau Pegawai Penilai, yang terlibat secara langsung dalam sistem jaminan kualiti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

“pentauliahan” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“penyedia latihan kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak NOSS berkaitan.

“**pihak berkuasa”** ertinya mana-mana agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengesahkan sesuatu premis adalah sah di sisi undang-undang dan selamat untuk menjalankan latihan kemahiran;

“**program**” ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam Daftar Standard;

“premis” ertinya mana-mana bangunan atau tempat lain yang digunakan untuk latihan, penginapan dan kemudahan lain untuk pelatih dan kakitangan penyedia latihan kemahiran atau pusat bertauliah tetapi tidak termasuk mana-mana tanah yang didudukinya;

“**program bertauliah**” ertinya program latihan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;

“Pusat Bertauliah” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen 34 Akta 652;

“**Pengajar”** ertinya seseorang yang bertanggungjawab bagi latihan kemahiran dan membimbing, menyelia dan menilai kebolehan seseorang pelatih untuk mengasimilasikan aspek teori dan amali latihan itu;

“Sijil Teknik Mengajar” ertinya sijil kelayakan yang dikeluarkan oleh Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan;

“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) (*National Occupational Skill Standard, NOSS*)” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta 652;

“subsektor” ertinya pecahan bidang kemahiran dalam sesuatu sektor merujuk kepada Daftar Standard yang terkini;

“**tahap**” ertinya tingkatan kemahiran dalam satu bidang pekerjaan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan;

3. SENARAI RINGKASAN

CU	*Competency Unit*
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
LI	Latihan Industri
KAPPK	Kod Amalan Pentauliahan Program Kemahiran
KPPK	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
SKPK	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
NOSS	*National Occupational Skills Standard*
PB	Pusat Bertauliah
PLK	Penyedia Latihan Kemahiran
PP	Pegawai Penilai
PPB	Pengurus Pusat Bertauliah
PPD	Pegawai Pengesah Dalaman
SKM 1	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1
SKM 2	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2
SKM 3	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
WA	*Work Aktivites*

4. KRITERIA PEMETAAN PROGRAM

Sesebuah agensi yang ingin melaksanakan pemetaan program hendaklah memenuhi kriteria berikut:-

4.1. Tujuan

Tujuan pemetaan ini adalah untuk mendapatkan pengesahan kesetaraan oleh JPK bagi program yang dibangunkan oleh agensi berdasarkan SKPK. Pengesahan kesetaraan yang diperolehi boleh digunakan untuk tujuan seperti berikut:

i. Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran Lain
Bagi maksud pengiktirafan dibawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652 Seksyen 36 subseksyen (1)) bagi kelayakan luar negara oleh mana-mana badan atau organisasi luar Malaysia.

ii. Penyeragaman bagi tujuan persijilan tunggal
Bagi maksud penyeragaman kandungan pembelajaran agensi latihan berdasarkan kepada SKPK.

4.2. Siapa Yang Layak Memohon

Dibuka kepada mana-mana agensi yang ingin mendapat pengiktirafan, penyeragaman dan pengesahan program yang dijalankan mengikut keperluan SKPK.

5. PELAKSANAAN PEMETAAN PROGRAM DI AGENSI

Proses pemetaan kurikulum berdasarkan SKPK yang dijalankan oleh agensi boleh merujuk kepada **Carta Alir Proses Pemetaan Program Kemahiran bagi Agensi** seperti di **Lampiran 7**.

5.1 Penentuan Tajuk NOSS

i. Agensi perlu mengenalpasti tajuk NOSS yang berkaitan dengan merujuk Daftar NOSS yang terkini di laman web JPK iaitu **www.dsd.gov.my.**
ii. Tajuk NOSS boleh dikenalpasti dengan merujuk sektor, subsektor dan bidang pekerjaan yang berkaitan.
iii. Bagi mendapatkan keterangan terperinci berkaitan NOSS yang telah dikenalpasti, agensi boleh mendapatkan NOSS dari JPK dengan mengemukakan bayaran RM20.00 per pakej dalam bentuk deraf bank, kiriman wang atau pesanan kerajaan atas nama **Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.**

5.2 Pelaksanaan Pemetaan Program

i. Persediaan pemetaan program

a. Menganalisa keperluan NOSS dengan menentukan hasil pembelajaran dan isi kandungan NOSS yang berkaitan.

ii. Melaksanakan pemetaan (peringkat pertama)

a. Pemetaan di peringkat ini dibuat dengan membandingkan *Competency Unit* (CU) dan *Work Aktivites* (WA) atau *Duty* dan *Task* dengan kurikulum agensi.
b. Hasil pemetaan hendaklah direkod dengan menggunakan Borang Matriks Pemetaan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) **[JPK/PEMETAAN/02]**
c. Hasil pemetaan ini juga, agensi boleh menentukan untuk:
    - meneruskan proses pemetaan ke peringkat seterusnya;atau
    - menukar NOSS lain yang lebih menepati program agensi; atau
    - mencadangkan dibangunkan NOSS baru bagi program agensi.

iii. Melaksanakan pemetaan (peringkat kedua)

a. Proses di peringkat ini dibuat berdasarkan hasil pemetaan peringkat pertama. Ia lebih terperinci dengan membuat perbandingan antara *Related Knowledge*, *Applied*/*Related Skills* dan *Core Abilities* dengan kurikulum agensi.
b. Hasil pemetaan hendaklah direkod dengan menggunakan Borang Pemetaan Kandungan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) **[JPK/PEMETAAN/03]**

iv. Menyediakan rumusan pemetaan (peringkat ketiga)

a. Hasil perbandingan di peringkat kedua hendakah dibuat rumusan dan direkod dengan menggunakan borang Rumusan Pemetaan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) **[JPK/PEMETAAN/04-A]**
b. Rumusan pemetaan program ini hendaklah disahkan oleh jawatankuasa yang dilantik oleh agensi.
c. Hasil pemetaan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada JPK untuk pengesahan.

6. PERMOHONAN PENGESAHAN HASIL PEMETAAN PROGRAM

6.1. Mana-mana agensi yang berhasrat untuk mendapatkan pengesahan hasil pemetaan program, hendaklah mengemukakan surat permohonan beserta dokumen permohonan seperti berikut:

i. Borang Permohonan Pemetaan Program Berdasarkan SKPK **[JPK/PEMETAAN/01];**
ii. Borang Matriks Pemetaan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) **[JPK/PEMETAAN/02];**

iii. Borang Pemetaan Kandungan Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) **[JPK/PEMETAAN/03];**
iv. Rumusan Pemetaan Program Kurikulum Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) **[JPK/PEMETAAN/04-A];dan**
v. Perakuan Pemohon **[JPK/PEMETAAN/05].**

6.2. Agensi hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap kepada :

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Aras 7, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya
Malaysia
(U.P: Pengarah NOSS)

7. PELAKSANAAN PENILAIAN PEMETAAN PROGRAM OLEH JPK

7.1 Penerimaan dokumen pemetaan

Dokumen yang diterima akan disemak dan akuan penerimaan akan dihantar kepada agensi.

7.2 Jawatankuasa Penilaian Pemetaan Program Kemahiran (JPPPK).

i. Penilaian pemetaan akan dinilai mengikut program oleh Jawatankuasa Penilaian Pemetaan Program Kemahiran (JPPPK) yang dilantik oleh KPPK.

ii. Ahli Jawatankuasa Penilaian Pemetaan Program Kemahiran(JPPPK);
   a. Seorang pengerusi di kalangan pakar pengajar atau pakar industri bidang berkenaan;
   b. Seorang ahli di kalangan pengajar pakar atau pakar industri bidang berkenaan; dan
   c. Seorang ahli di kalangan pegawai JPK.

iii. Kriteria Panel Penilaian Pemetaan Program Kemahiran
   a. Berdaftar dengan DPIN; atau
   b. Mana-mana individu yang memenuhi kriteria seperti berikut:
      - Memiliki pengetahuan dan pengalaman kerja atau mengajar dalam bidang berkaitan pada tahap yang berkenaan;dan
      - Mempunyai kefahaman mengenai Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM); atau
      - Mana-mana individu berkelayakan yang dilantik oleh KPPK.

c. Tanggungjawab JPPPK adalah:
   - Melaksanakan penilaian jurang pemetaan program dengan merujuk keperluan NOSS;
   - Menganalisa dokumen dan bukti yang berkaitan bagi mengesahkan hasil pemetaan;
   - Melapor dan mengesahkan hasil penilaian pemetaan dengan melengkapkan Borang Rumusan Pemetaan Kurikulum Program Agensi berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) **[JPK/PEMETAAN/04-B]**; dan
   - Mengemukakan syor penilaian pemetaan kepada JPK.

7.3 Pelaksanaan Penilaian Pemetaan Program

i. Melaksanakan Semakan Dokumen Pemetaan (Peringkat Pertama)

a. Penilaian pada peringkat ini melibatkan semakan ke atas dokumen program agensi dengan merujuk kepada borang-borang seperti berikut:
   i. Borang Matriks Pemetaan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) [JPK/PEMETAAN/02];
   ii. Borang Pemetaan Kandungan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) [JPK/PEMETAAN/03]; dan
   iii. Borang Rumusan Pemetaan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) [JPK/PEMETAAN/04-A].

ii. Rumusan Penilaian Pemetaan (Peringkat Kedua)

a. Rumusan ini dibuat berdasarkan semakan ke atas dokumen pemetaan peringkat pertama. Hasil rumusan penilaian pemetaan ini hendaklah direkod dengan menggunakan Borang Rumusan Penilaian Pemetaan Program Silibus Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK**) [JPK/PEMETAAN/04-B].**
b. Borang rumusan pemetaan program ini hendaklah disahkan oleh Jawatankuasa Penilaian Pemetaan Program Kemahiran (JPPPK).

iii. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa

a. Hasil penilaian pemetaan akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Teknikal 1 (JKT1) atau Jawatankuasa Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran (JPPKK) untuk kelulusan.
b. Selepas permohonan dipertimbangkan, KPPK boleh :
   - Meluluskan permohonan dengan mengeluarkan satu surat perakuan kepada agensi yang memohon; atau
   - Menolak permohonan tersebut dengan menyatakan sebab-sebab penolakan.
c. Agensi hendaklah mengemukakan permohonan baharu jika:
   - SKPK (NOSS) dikaji semula atau dijumudkan; atau

- Kurikulum agensi telah berubah melebihi 30% berpandukan kandungan kurikulum yang telah dipetakan.

8. TANGGUNGAN PERBELANJAAN

Semua perbelanjaan yang terlibat sepanjang proses pemetaan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh agensi yang memohon kecuali bayaran yang melibatkan tuntutan panel pakar yang dilantik oleh JPK.

9. TARIKH KUAT KUASA

Panduan ini berkuat kuasa pada **1 Januari 2015**

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

Lampiran 1

[JPK/PEMETAAN/01]

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA

BORANG PERMOHONAN PEMETAAN PROGRAM BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN

TUJUAN PEMETAAN

☐ Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran

☐ Penyeragaman

☐ Lain-lain.
Nyatakan :
.....
.....

MAKLUMAT AGENSI

Nama Agensi	:		
Alamat	:		
No. Tel	:		
No. Fax	:		
Email	:		
Nama Pegawai Bertanggungjawab	:	**No. Tel**	:
		Email	:

MAKLUMAT PROGRAM			
KOD PROGRAM AGENSI	**NAMA PROGRAM AGENSI**	**KOD SKPK (NOSS)**	**TAJUK SKPK (NOSS)**

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT	
Nama Agensi	:
No Rujukan Fail	:
Tarikh Penerimaan Dokumen Lengkap	:

Senarai Dokumen Lampiran Yang Perlu Dikemukakan		
Pemohon mesti mengemukakan dokumen seperti di bawah:	Semakan Agensi	Semakan JPK
JPK/PEMETAAN/01: Cetakan BORANG PERMOHONAN PEMETAAN PROGRAM BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN yang telah lengkap diisi.		
JPK/PEMETAAN/02 : BORANG MATRIK PEMETAAN PROGRAM KURIKULUM AGENSI BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)		
JPK/PEMETAAN/03 : BORANG PEMETAAN KANDUNGAN PROGRAM AGENSI BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)		
JPK/PEMETAAN/04-A : RUMUSAN PEMETAAN PROGRAM KURIKULUM AGENSI BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)		

Lampiran 2

JPK/PEMETAAN/02

BORANG MATRIK PEMETAAN KURIKULUM PROGRAM AGENSI BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)

Muka Surat

JPK/PEMETAAN/02

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

BORANG MATRIKS PEMETAAN KURIKULUM PROGRAM AGENSI BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)

NAMA AGENSI :

NAMA PROGRAM AGENSI :
KOD PROGRAM AGENSI :

TAJUK SKPK (NOSS) :
KOD SKPK (NOSS) :

NOSS / **PROGRAM AGENSI**																			
				WA/TASK OUTLINE															
				NO. WA/TASK															
				CU/DUTY															
				TAHAP															
NO		KURSUS/ MODUL/SUBJEK	KOD KURSUS	TOPIK/SUB MODUL/ ELEMEN															

Lampiran 3

JPK/PEMETAAN/03

BORANG PEMETAAN KANDUNGAN KURIKULUM PROGRAM AGENSI BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)

Muka Surat

JPK/PEMETAAN/03

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

BORANG PEMETAAN KANDUNGAN KURIKULUM PROGRAM AGENSI BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)

NAMA AGENSI :

NAMA PROGRAM AGENSI :
KOD PROGRAM AGENSI :

NAMA NOSS :
KOD NOSS :

CU/MODUL:

CURRICULUM OF COMPETENCY UNIT (COCU)/ TASK PROFILE				KURIKULUM PROGRAM AGENSI				
Work Activities (WA)/Task	*Related Knowledge / Knowledge of*	*Applied Skills / Related Skills / Ability to*	*Training Duration*	*Module*	*Knowledge*	*Applied Skills*	*Training Duration*	CATATAN

CORE ABILITIES:

Core abilities	Modul Agensi

Lampiran 4

JPK/PEMETAAN/04-A

BORANG RUMUSAN PEMETAAN KURIKULUM PROGRAM AGENSI BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Muka Surat

JPK/PEMETAAN/04-A

BORANG RUMUSAN PEMETAAN KURIKULUM PROGRAM AGENSI BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)

NAMA AGENSI :

NAMA PROGRAM AGENSI :
KOD PROGRAM AGENSI :

NAMA NOSS :
KOD NOSS :

CU/DUTY	BIL *WORK ACTIVITY* (WA)/*TASK* (A)	BIL *WA/TASK* DIPENUHI (B)	% *WA/TASK* DIPENUHI [(B/A)*100]	NAMA *WA/TASK* TIDAK DIPENUHI	TEMPOH LATIHAN (JAM)		CADANGAN JAWATANKUASA PEMETAAN
					SKPK (NOSS)	KURIKULUM AGENSI	
CU 1							
CU 2							
CU 3							
CU 4							
CU 5							
JUMLAH % KESELURUHAN				JUMLAH JAM			

ELEMEN	BIL ABILITY (A)	BIL ABILITY DIPENUHI (B)	% ABILITY DIPENUHI [(B/A)*100]	NAMA ABILITY TIDAK DIPENUHI	TEMPOH LATIHAN (JAM)		CADANGAN JAWATANKUASA PEMETAAN
					SKPK (NOSS)	KURIKULUM AGENSI	
CORE ABILITIES							
ON JOB TRAINING (OJT)	ADA / TIADA						
PROJEK AKHIR	ADA / TIADA						

ULASAN KESELURUHAN JAWATANKUASA PEMETAAN AGENSI :

PENGESAHAN JAWATANKUASA PEMETAAN AGENSI

(PENGERUSI)
TANDATANGAN :
.....
NAMA :
NO KAD PENGENALAN :
TARIKH :

(AHLI 1)
TANDATANGAN :
.....
NAMA :
NO KAD PENGENALAN :
TARIKH :

(AHLI 2)
TANDATANGAN :
.....
NAMA :
NO KAD PENGENALAN :
TARIKH :

Lampiran 5

JPK/PEMETAAN/04-B

BORANG RUMUSAN PENILAIAN PEMETAAN PROGRAM SILIBUS AGENSI BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Muka Surat

JPK/PEMETAAN/04-B

BORANG RUMUSAN PENILAIAN PEMETAAN PROGRAM SILIBUS AGENSI BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)

NAMA AGENSI :

NAMA PROGRAM AGENSI :
KOD PROGRAM AGENSI :

NAMA NOSS :
KOD NOSS :

CU/DUTY	BIL *WORK ACTIVITY* (WA)/*TASK* (A)	BIL *WA/TASK* DIPENUHI (B)	% *WA/TASK* DIPENUHI [(B/A)*100]	NAMA *WA/TASK* TIDAK DIPENUHI	TEMPOH LATIHAN (JAM)		ULASAN PANEL JAWATANKUASA PENILAIAN PEMETAAN PROGRAM KEMAHIRAN
					SKPK (NOSS)	KURIKULUM AGENSI	
CU 1							
CU 2							
CU 3							
CU 4							
CU 5							
JUMLAH % KESELURUHAN				JUMLAH JAM			

ELEMEN	BIL ABILITY (A)	BIL ABILITY DIPENUHI (B)	% ABILITY DIPENUHI [(B/A)*100]	NAMA ABILITY TIDAK DIPENUHI	TEMPOH LATIHAN (JAM)		CADANGAN JAWATANKUASA PEMETAAN
					SKPK (NOSS)	KURIKULUM AGENSI	
CORE ABILITIES							
ON JOB TRAINING	ADA / TIADA						
PROJEK AKHIR	ADA / TIADA						

ULASAN KESELURUHAN

SYOR JAWATANKUASA

Dengan ini Jawatankuasa *MEMPERAKU / MEMPERAKU SECARA BERSYARAT / TIDAK MEMPERAKU hasil pemetaan ini bagi bidang _____ memenuhi SKPK _____

PENGESAHAN JAWATANKUASA PENILAIAN PEMETAAN PROGRAM KEMAHIRAN:

(PENGERUSI JAWATANKUASA PENILAIAN PEMETAAN PROGRAM KEMAHIRAN)
TANDATANGAN :
.....
NAMA :
NO KAD PENGENALAN :
TARIKH :

(AHLI 1)
TANDATANGAN :
.....
NAMA :
NO KAD PENGENALAN :
TARIKH :

(AHLI 2-WAKIL JPK)
TANDATANGAN :
.....
NAMA :
NO KAD PENGENALAN :
TARIKH :

*potong yang mana tidak berkenaan

Lampiran 6

JPK/PEMETAAN/05

PERAKUAN PEMOHON

Saya mengaku, saya telah membaca dan memahami segala peraturan dan syarat permohonan pemetaan program sebagaimana digariskan. Saya juga telah menyemak dan mengemukakan segala keperluan permohonan seperti berikut :

1. Cetakan borang permohonan yang telah lengkap diisi- JPK/PEMETAAN/01 ☐
2. Borang Matriks Pemetaan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)- JPK/PEMETAAN/02 ☐
3. Borang Pemetaan Kandungan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)- JPK/PEMETAAN/03 ☐
4. Borang Rumusan Pemetaan Kurikulum Program Agensi Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)- JPK/PEMETAAN/04-A ☐

Saya…….…….. No. Kad Pengenalan:
…… *(Nama Orang Yang Membuat Pengakuan)*
bagi pihak (*) <u>diri saya sendiri/Agensi/persatuan/pertubuhan</u> yang bernama
…….....
……
……
dengan sesungguhnya mengaku bahawa :-

(a) pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam borang permohonan ini dan dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya;

Tandatangan : .....
No. Kad Pengenalan : .....
Jawatan : .....
Tarikh : .....
Cop Agensi :

Lampiran 7

Carta Alir Proses Pemetaan Program Kemahiran bagi Agensi



- -Rujuk Daftar NOSS terkini
  -Sektor/Subsektor/bidang
  -Dapatkan NOSS dari JPK

- -Menganalisa keperluaan NOSS dan menentukan kandungan yang berkaitan didalam Kurikulum agensi
  -Melaksanakan pemetaan program diantara Kurikulum Agensi dan SKPK

- -Melaksanakan perbandingan secara rambang mengikut tajuk CU/Modul berdasarkan Kurikulum agensi.
  -Menggunakan borang-**[JPK/PEMETAAN/02]**

- Melalui pemetaan peringkat pertama, agensi dapat memutuskan samaada ingin meneruskan pemetaan berdasarkan tajuk NOSS yang dipilih tersebut atau menentukan semula tajuk NOSS baharu.

- -Melaksanakan perbandingan secara terperinci mengikut kandungan kedua-dua program yang hendak dipetakan.
  -Menggunakan borang **[JPK/PEMETAAN/03]**

- -Menyediakan rumusan hasil pemetaan peringkat pertama dan peringkat kedua.
  -Penuhi sepenuhnya (100%)
  -Sebahagian dipenuhi (> 70%)
  -Tidak memenuhi (< 70%)
  -Menggunakan borang **[JPK/PEMETAAN/04-A]**

- Kemukakan permohonan kepada JPK atau tidak

- Menggunakan borang **[JPK/PEMETAAN/01]** beserta dokumen pemetaan berkaitan seperti senarai semak pemetaan .

Lampiran 8

Carta Alir Proses Penilaian Pemetaan Program Kemahiran diantara JPK, Pakar Bidang dan Panel Agensi



- Dokumen disemak oleh JPK
  [JPK/PEMETAAN/01]
  [JPK/PEMETAAN/02]
  [JPK/PEMETAAN/03]
  [JPK/PEMETAAN/04-A]

- -Penilaian peringkat pertama melibatkan borang **[JPK/PEMETAAN/02]** dan **[JPK/PEMETAAN/03]** dan **[JPK/PEMETAAN/04-A]**
  -Penilaian ini melibatkan Pegawai JPK, Panel Pakar dan Panel Agensi
  -Pihak agensi perlu mengemukakan bukti atau dokumen yang berkaitan bagi menyokong kesetaraan SKPK

- -Melibatkan rumusan dan syor keseluruhan mengikut tahap.
  -Perlu menyatakan rumusan dan syor dalam borang **[JPK/PEMETAAN/04-B]**
  -Perlu ditandatangani oleh Panel Pakar Industri dan Wakil JPK.

- Hasil penilaian pemetaan akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Teknikal 1 (JKT1) atau Jawatankuasa Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran (JPPKK) untuk kelulusan.

- JPK akan mengeluarkan surat perakuan kesetaraan kepada agensi